

Konsep bangsa Malaysia perlu kekal identiti, tradisi kaum

BH-24/11/2006

"DUA puluh tahun dari sekarang, tiada lagi orang kulit hitam atau putih ataupun orang Asia... semuanya berwarna kuning air," kata pelawak Russell Peters, berketurunan Kanada-India mengenai perkembangan dunia sekarang yang terus mengecil apabila perkahwinan campur antara kaum dan agama semakin menjadi kelaziman.

Dalam pada jenaka Peters yang bertujuan mencetuskan ketawa, sesetengah rakyat negara ini terutama yang terasa bahang polemik berhubung bangsa Malaysia, menjadikannya titik tolak untuk memikirkan secara mendalam.

Malaysia adalah sebuah negara yang dihuni pelbagai latar belakang etnik dan agama seperti Melayu, Cina, India, Benggali, Kadazan, Dayak dan golongan etnik lain, selain mereka daripada darah kacukan disebabkan kahwin campur.

Debat panjang lebar mengenai bangsa Malaysia sebelum ini tidak membawa penyelesaian muktamad tetapi takrifan bertambah kompleks kerana ia merujuk kepada 'keadaan minda' atau sekadar untuk menyatukan rakyat.

Apakah pandangan generasi baru, khasnya mereka daripada darah kacukan mengenai konsep bangsa Malaysia?

Arvin Mogan Naidu, 24, dari Taylor's College di Petaling Jaya, anak kacukan Cina dan India berpendapat; "Kami (muda-mudi) sebagai pewaris Malaysia, jadi kami berhak menyuarakan sedikit pendapat berhubung bangsa Malaysia. "Untuk diiktiraf sebagai bangsa Malaysia itu tidak menimbulkan isu seseorang hilang identiti kaum," katanya.

"Isu itu ada kaitan dengan konsep perpaduan dan kesederhanaan dalam pemikiran kita," kata Neo Ming Yi, 18, dari Cheras yang kini belajar di Queensland University of Technology, Australia.

Berkongsi pandangan yang sama, penuntut Inti College Subang Jaya, Suresh Kevin Nair, 23, mengulas;

"Perkara ini bukan berkaitan asal-usul anda. Sebagai contoh, saya berdarah India sepenuhnya, tetapi saya boleh bertutur dengan fasih dalam bahasa Melayu dan Kantonis, bukan kerana saya mahu menyesuaikan diri atau sebagainya tetapi hanya sekadar proses pembelajaran semula jadi bagi saya, yang tanpa disedari memudahkan saya berkomunikasi.

"Adakah ini bermaksud saya kurang berjiwa India hanya kerana saya mampu menguasai satu atau dua bahasa tambahan? Tidak, saya hanya melihatnya sebagai menyesuaikan diri bersama ciri berbilang budaya negara ini," jelasnya.

“Memang baik jika kita memikirkan masyarakat kita sebagai satu bangsa, tetapi mengubah minda yang bertumpu pada asal-usul etnik, pastinya mencabar”

Barapui Timothy Balangalibun

Penuntut (UTM), Skudai

Barapui Timothy Balangalibun, penuntut Universiti Teknologi Malaysia (UTM), di Skudai, Johor, bagaimanapun agak ragu dengan realiti konsep ini.

"Memang baik jika kita memikirkan masyarakat kita sebagai satu bangsa, tetapi mengubah minda yang bertumpu pada asal-usul etnik mana-mana individu, apa lagi orang ramai, pastinya mencabar dan sebab itu idea bangsa Malaysia lebih kepada suatu impian.

"Bagaimanapun, saya percaya kita tetap perlu berusaha ke arah mewujudkan bangsa Malaysia, sekurang-kurangnya mereka seperti saya tidak perlu menggunakan kata nama tidak rasmi seperti 'Kela-Brit' (kacukan Kelabit dan British)," tambah pemuda berusia 21 ini dengan gelak tawa.

Bagi Rosliza Mah, 21, dari Universiti Teknologi Curtin, Sarawak: "Mungkin kita nanti berada pada kedudukan lebih baik sebagai sebuah negara bersatu di bawah terminologi bangsa Malaysia. Walau apapun, saya rasa kita tidak harus melihat konsep bangsa Malaysia dari sudut kewarganegaraan ataupun semantik.

"Mengapa tidak menerimanya sebagai identiti keseluruhan kita? Pastinya dengan persefahaman dan penghormatan sama, kita akan dapat memelihara budaya dan tradisi masing-masing sementara dipanggil sebagai satu entiti," kata beliau lagi.

"Bagi saya secara peribadi, saya tidak berminat mengambil pendirian mengenai bangsa Malaysia dan kesannya daripada pelaksanaannya buat masa ini. Yang lebih penting, pada pendapat saya, banyak yang perlu dilakukan untuk mengatasi pandangan serong yang masih wujud di kalangan kita," kata Rosliza lagi.

Demikian pandangan golongan muda yang bakal menerajui kepemimpinan negara masa depan dan akan menjadi penentu sama ada wujud atau tidak konsep bangsa Malaysia. - Bernama